

# DARI SEBULAN KE SEBULAN

Di dalam rancangan Mukhtamar Persekutuan Seruan Islam Se-Malaya yang diadakan di Ipoh pada cuti Krismas, ialah supaya langkah-langkah hendaklah diambil terhadap penerbit buku-buku, surat khabar dan majalah-majalah yang berbahasa Melayu yang mengkritik guru-guru agama dan dasar-dasar Islam. Orang pada berfikir: Apakah kritik-kritik yang didatangkan pada masa-masa yang lalu terhadap guru-guru agama dan pengajaran Islam itu tidak sesuai dengan pendapat mereka? Dan adakah Islam itu mengongkong pendapat dan pengertian seseorang dalam pengajaran agamanya? Orang masih berpendapat bahawa semenjak dari zaman Rasulullah dahulu pendapat-pendapat itu kerap berlainan, tetapi tidak terkeluar daripada asasnya dan pendapat tinggal pendapat- tidak membawa perpecahan.

Apakah mukhtamar itu semata-mata hanya mendatangkan tuntutan-tuntutan yang boleh dilaksanakan oleh Persekutuan Seruan Islam Se-Malaya sendiri? Memang mudah mendatangkan keputusan tetapi sukar melaksanakannya. Lihat sahaja beberapa kalimukhtamar telah diadakan siding, boleh di kata, tidak satu pun keputusan-keputusannya dapat dilaksanakan oleh Persekutuan Seruan Islam itu. Mukhtamar sekali lagi hasilnya untuk dilaksanakan masih menjadi satu pertanyaan.

\*\*\*

Juga mukhtamar Seruan Islam SeMalaya itu akan mengambil suatu keputusan supaya kerajaan persekutuan mengharamkan buku-buku atau penerbitan atau

tulisan-tulisan dalam bahasa Melayu yang dikatakan menurunkan maruah pembaca-pembacanya. Tentang ini banyak orang tidak sepengertian dengan paksaan itu. Undang-undang sememangnya sudah ada yang boleh menghukum sesuatu buku itu haram- adalah rosaknya taraf atau maruah orang Melayu itu kerana membaca buku-buku bahasanya sendiri sehingga mereka menjadi penari joget, penjahat dan segala-galanya? Perkara ini perlu diselidiki lebih dahulu kerana di dalam tiap-tiap perkembangan bukannya sahaja terbit daripada orang yang hanya membaca bahasa Melayu sendiri- mengapa maka yang diharamkan hanya pembacaan bahasa Melayu sahaja pada hal buku-buku di dalam bahasa asing juga tidak kurang bahkan lebih daripada yang dibuat di dalam bahasa Melayu- tidak kurang adanya di dalam persuratan semua asing?

Apakah yang demikian menjadi satu perkara menguatkuasakan sesuatu hal yang tidak menjadi sebab untuk menurunkan maruah orang-orang Islam sendiri? Kita tidak sependapat dengan itu sebab kita melihat banyak pemimpin-pemimpin yang mengerti Inggeris dan tidak mengerti agama itupun akhlaknyanya rendah- peminum dan seumpamanya tidak disebabkan kerana membaca buku-buku yang rendah tarafnya.

\*\*\*

Berkata tentang buku-buku yang rendah tarafnya itu maka kita suka menanyakan kepada Persekutuan Seruan Islam Se-Malaya dengan sifatnya sebagai satu pertubuhan seruan

Islam: Apakah buku-buku yang tinggi-tinggi yang telah dibuat atau yang telah dilaksanakan oleh persekutuan itu selama 25 tahun telah berjalan? Apakah sesuatu buku yang telah dibuat oleh mereka itu yang telah menunjukkannya sebagai suatu seruan kepada am? Jangankan buku sedangkan risalah-risalah kecil yang boleh diambil daripada ucapan-ucapan itupun tidak terkeluar atau tidak dapat diterbitkan oleh Persekutuan Seruan Islam, dan sebab itu kita bertanya:

Apakah perkembangan yang telah dibuat untuk agama yang dilakukan oleh Persekutuan Seruan Islam itu dalam lapangan persuratan? Tunjukkan dan berilah bukti sebelum tuan-tuan menghalang segala sesuatu yang bakal menimbulkan perkara-perkara yang menghalang kebiasaan orang lain. Sebaik-baiknya diterbitkan sebanyak-banyak buku untuk melawan buku-buku yang dikatakan menurunkan maruah dan merosakkan ramai. Adakan penyiasatan lebih dahulu: Adakah dengan sebab buku-buku Melayu itulah rosaknya akhlak di negeri ini?- Ingat-ingat sebelum bercakap Bung!.

\*\*\*

Sahabat kita Tuan Albar telah menghantarkan surat perletakan jawatan sebagai pegawai penerangan UMNO yang bergaji, dan ini tak ada rundingan dengan Majlis Tertinggi UMNO dan anggota-anggota UMNO. Ini kali kedua baginya meletakkan jawatan kerana tidak bersetuju dengan dasar-dasar UMNO dengan jawatankuasa pusat lalu menyatakan hendak balik ke tanah airnya di Sulawesi, tetapi ia kemudian ia bekerja di Singapura di sebuah percetakan dan di sebuah pejabat keagamaan di Johor. Kemudian setelah pujuk-pujuk ia masuk semula ke UMNO memegang jawatan pegawai penerangan UMNO dan sekarang meminta perletakan jawatan lagi- entah apa sebabnya ia sendiri tahu meskipun ada risik-risik mengatakan bahawa ia tidak puas hati

kerana tidak mendapat jawatan-jawatan yang tetap dan yang munasabah untuknya. Ini juga telah dinafikan olehnya. Walhasil apa yang benar dan apa yang tidak benar ia sendiri yang tahu.

Tengku Abdul Rahman menyatakan, dalam hal ini, bahawa seseorang yang dengan sendiri hendak meletakkan jawatan tidak ada orang yang boleh menahannya- tentulah maksud Tengku *ahlān wasahlān* kepada keberhentian Albar. Sebenarnya seseorang mahu berhenti berhentilah- apa diribut-ributkan kalau memang mempunyai dasar yang tetap, mempunyai pendirian yang tetap dan mempunyai keyakinan yang tetap serta percaya kepada tenaga dan usaha diri sendiri. Tetapi kalau orang itu pendiriannya makan pujuk dan lemah semangat mudah sahaja. Ini hari masuk besok keluar dan sekali lagi masuk -tidakkah begitu pada pandangan orang luar? Buktinya sudah terang Bung Albar!

\*\*\*

Tengku Abdul Rahman di dalam Suara Merdeka telah menyelar Ibrahim Yaacob dengan mengeluarkan kata-kata yang dipandang hebat sebagai suatu tuduhan terhadap gerak langkah Ibrahim Yaacob. Dan sudah tentu kata berjawab gayung bersambut - Ibrahim Yaacob tidak boleh mendiamkan diri lalu menjawabnya yang penuh tersiar di dalam mingguan "Pendoman" yang di antara lain-lain menyebut pula perkara-perkara perseorangan sehingga Ibrahim Yaacob menyebut bahawa kedatangan Tengku ke Indonesia dulu membawa bukti-bukti minuman keras dan Ibrahim Yaacob hanya menumpang minum dua gelas sahaja. Kepada kita yang membaca itu hanya tersenyum sahaja kerana kita melihat bahawa di Malaya ini kerap kali orang-orang itu mempersoalkan perkara-perkara keagamaan dan bersyarah pula di dalam masjid-masjid memperingatkan orang Islam- tentunya orang Islam sudah mengerti dalam hal ini. Apa lagi orang-orang Islam itu mendengar pula ada ustaz-ustaz yang dahulunya mengeluarkan

ayat-ayat al-Qur'an menyuruh orang-orang menyokong pergerakan mereka juga sama-sama di dalam bahagian ini- ini menjadi satu peringatan kepada kita untuk pelaksanaan atau perhatian dalam pilihan raya akan datang.

\*\*\*

Kiyai-kiyai dari Indonesia yang telah melawat Moscow dan Turkistan, sebahagiannya dalam perjalanan pulang telah singgah Singapura. Beberapa orang daripada mereka itu dapat memberi ceramah-ceramah atau ucapan-ucapan yang menunjukkan kesan-kesan perjalanan mereka ke negeri Islam yang terletak di bawah penjajahan kerajaan Rusia di negeri tabir besi itu. Kerana mereka terdiri daripada ulama-ulama maka sudah tentulah yang utama ialah dibawa melihat masjid-masjid di negeri-negeri Islam seperti di Turkistan dan seumpamanya iaitu melihat masjid-masjid yang sememangnya telah ada berkurun-kurun lamanya. Di antara kesan yang dibentangkan oleh kiyai-kiyai itu bahawa di sana mereka melihat orang-orang beribadat, orang tidak ditegah beribadat. Mengembangkan pengajaran Islam tidak boleh, hanya yang dibolehkan bapa mengajar anaknya di rumahnya sendiri dan khatib boleh mengajar di dalam khutbahnya, khutbah jumaat sahaja- selain daripada itu tidak boleh. Pertolongan yang diberi, ringkasnya untuk mengambil hati orang-orang Islam, hanya dicetakan Quran pada tahun yang lalu dan sebuah kalendar. Selain daripada itu tidak boleh mengeluarkan majalah, tidak boleh mengembangkan agama sama ada dengan lisan atau tulisan.

Tiap-tiap tahun hanya dibenarkan orang-orang pergi haji 20-25 orang sahaja daripada jumlah 15 million orang-orang Islam. Alasan yang diberi dengan rasmi ialah tidak ada hubungan diplomatik di antara Saudi Arabia dengan Soviet Rusia dan dari golongan tidak rasmi mengatakan kerana jalan yang berliku-liku; sedang pandangan ulama-ulama itu sendiri ialah bahawa tidak ada kemampuan saudara-saudara kita pergi haji kerana

hidup mereka tersukat- tidak mempunyai kemewahan hidup iaitu selain daripada alasan-alasan tidak mahu mencampurkan orang-orang itu kepada dunia luar. Seorang Islam di Indonesia yang pergi ke sana berpendapat dengan satu perumpamaan yang berbunyi bahawa keadaan Islam di Soviet Rusia (di Turkistan) adalah seumpama satu pelita yang menyala yang sudah habis minyak tidak ditambah lagi.

Orang-orang yang menjalankan ibadah di situ umumnya atau kebanyakannya terdiri di antara lima puluh tahun ke atas- yang lainnya hampir tidak ada beragama apa lagi pemuda-pemudanya. Dengan itu tentulah orang menyangka bahawa sesudah diketahui bahawa Islam tidak akan bertapak lagi di sana baharulah dibukakan kepada dunia luar, untuk mengaburi mata dunia luar bahawa Rusia membebaskan beragama di negeri tabir besi itu. hal-hal ini perlu menjadi perhatian kita supaya kita mengetahui bahawa kalau kita terletak di bawah kerjaan Komunis bermakna agama akan hapus.

Kiyai Arsyad Talib Lubis dengan tegas dan nyata menyatakan bahawa kalau dahulu ia membaca bahawa orang-orang Islam itu dikejamkan oleh Rusia tetapi sekarang ia yakin setelah melihat sendiri bahawa orang Islam di sana dilakukan kekejaman.

\*\*\*

Kedatangan atau persinggahan alim ulama dari Moscow itu semestinya mendapat siaran-siaran yang istimewa untuk mengingatkan orang-orang kepada bahaya Komunis ini tentu dilakukan oleh orang-orang Islam. Tetapi keadaan sebaliknya. Akhbar tempatan yang berbahasa Melayu menyiarkan hanya berita lain daripada apa yang dicakapkannya yang perlu diketahui. Pertamanya tentang poligami dan keduanya lain yang dikatakan lain yang disebut, kononnya salah seorang daripada kiyai-kiyai itu sudah menyatakan bahawa Rusia memberi kebebasan beragama. Berita ini terpaksa diulang

kerana kiyai yang tinggal khabarnya membantah kerana mereka melihat bahawa agama itu tidak ibadat semata tetapi juga meliputi perkembangannya sedang perkembangannya tidak dibebaskan. Puasa tidak ditegah tetapi apabila seseorang bekerja lemah kerana berpuasa ia akan dituduh khianat kepada negara. Dengan keadaan-keadaan itu setengah-tengah orang berpendapat mungkin tepat kepada suatu pernyataan: Apakah tidak sebenarnya di dalam persuratan Melayu, kerajaan masih membiarkan anasir-anasir Komunis bersimaharajalela? Betul atau tidaknya terpulang kepada perhatian umat Islam seluruhnya-kalau perlu mengadakan. Protes-protes supaya anasir-anasir yang menegakkan atau masih bertahan di dalam pengertian kebudayaan bersangkut paut dengan kebudayaan Islam diharamkan.

\*\*\*

Tengku Abdul rahman Putra, Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu di dalam kenyataan bahawa ia akan menolong Lim Yo Hock walau ke neraka sekalipun. Orang ramai apabila mendengar ini berkata dengan satu perkataan yang ringkas *lā hawla walā quwata illā bilLāhi* nampaknya tidak ada perkataan yang lain daripada itu yang dihadapkan kepada seseorang yang mahu bersedia masuk neraka. Sebab walau bagaimana pun seseorang Islam itu tidak akan mahu bersedia masuk neraka.

\*\*\*

Satu perkara telah berlaku di Indonesia di dalam mana Tuan Mochtar Lubis, pengarang Indonesia Raya yang dituduh melanggar undang-undang kerajaan, menyiarkan tuduhan kepada Roeslan Abdulgani, Menteri Luar Indonesia yang dikatakan telah menerima suap. 14 gambar surat-surat (fotokopi) yang berkenaan atau yang berkaitan dengan Roeslan Abdulgani itu telah dibacakan di hadapan mahkamah sehingga seluruh Indonesia gempar melihat bukti-bukti yang nyata bagaimana perubahan seorang Menteri

yang dipandang oleh akhbar-akhbar Indonesia sangat memalukan rakyat Indonesia. Jemaah menteri harus akan diubah suasananya kerana perbuatan seorang menteri luar yang dikasihi oleh Presiden Sukarno. Marilah kita lihat nanti apa yang akan berlaku. Adakah keadilan-keadilan itu berdiri atau didirikan atau pun temanya itu dipertahankan. walau bagaimana pun umat Indonesia mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Mochtar Lubis yang berani menegakkan kebenaran dan kerana itu Persatuan Pengarang-Pengarang Islam Indonesia telah menghadiahkan sebuah Quran sebagai tanda kemuliaan kepada Tuan Mochtar Lubis.

\*\*\*

“Majalah Waktu” iaitu sebuah majalah Indonesia yang terbit dan dicetak di sini telah sampai di meja kita, Dengan itu maka ada sebuah majalah minggu bertulis Melayu terbit di sini, tetapi kandungannya adalah dari sebuah kerajaan lain – bukan kerajaan Melayu. Kita berasa hairan bagaimana kerajaan boleh meluluskan percetakan sebuah majalah lain yang kandungannya semata-mata mengenai

Kepada anggota-anggota Ikhwan yang ingin mengetahui bagaimana cara persuratan yang diajar oleh Islam, hantarkan wang 20 sen, dan untuk yang bukan anggota-anggota Ikhwan 70 sen, untuk mendapatkan senaskhah risalah:

## Persuratan Dalam Islam

Yang mengandungi ucapan Prof Abdul Kahar Muzakkar, rektor Universiti Islam Indonesia.

Alamatkan kepada:

Qalam,  
356 & 358, Geylang Road,  
Singapore-14.

hal-hal negeri diterbitkan di sini sebagai mendesak kepada perniagaan surat-surat khabar Melayu? Hal ini sangat memusykilkan orang ramai terutamanya penerbit-penerbit Melayu. Sebab yang utama ialah, kalau luas jarum luas kelindan- satu majalah dibenarkan maka satu majalah lagi akan mencari pasarannya di Semenanjung ini. Hal-hal yang tidak digemari harus akan timbul dan terbit pula satu pertanyaan: Apakah kerajaan tidak mempertahankan maslahat perusahaan-perusahaan penerbitan Melayu di negeri ini? Sebab itulah permulaan yang dijalankan oleh "Waktu" itu kesat dirasa oleh penerbit-penerbit Melayu dan kerana itu mereka memandang salah: Mengapa diluluskan sebuah majalah asing yang harus berbahasa Melayu dicetak di negeri ini dan diterbitkan di sini? Diharap kerajaan akan memperhatikan hal ini.

\*\*\*

Persatuan Wartawan Melayu dan Kesatuan Penerbit-Penerbit Melayu, sedikit masa yang lalu telah mengadakan majlis jamuan makan, sebagai perpisahan kepada Tuan Mursyid, Pegawai Penerangan Konsulat Indonesia di Singapura. Majlis itu bagus keadaannya dan di antaranya orang-orang yang bercakap itu termasuk Setiausaha Persatuan Wartawan Melayu Encik Ramli Abdul Hadi yang di antara lain-lain berkata, bahawa perasaan Indonesia dengan Malaya itu adalah satu- yang dimaksudkannya itu bersaudara. Tetapi di dalam amalnya, kata Encik Ramli, sepanjang yang dialaminya kadang-kadang apabila masuk ke pejabat konsulat itu terbit satu perasaan di dalam jiwanya, persaudaraan itu tidak terbentuk bahkan timbul perasaan yang biasa oleh kita sendiri ada sifat-sifat merendahkan, Sebab itu hendak datang ke sana terasa-rasa ada perasaan kita terpaksa merendah diri kepada

pegawai itu.

Orang ramai juga berkeyakinan bahawa sememangnya ada yang demikian itu, tetapi diharap tidaklah semuanya kerana ada juga di antaranya, seorang berdua, yang baik tutur spanya.

\*\*\*

"PAS" telah mengadakan persidangan di Kuala Lumpur baharu-baharu ini. Perkara yang sangat mustahak di dalamnya ialah menyusun barisannya semula untuk menghadapi keadaan-keadaan dan kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku masa hadapan kelak. Kerana walau bagaimana banyaknya pun keputusan akan tertinggal keputusan jua kalau yang melaksanakannya tidak berkebolehan atau tidak berkesanggupan. Kerana itu kita berharap mudah-mudahan akan timbul mujahid-mujahid yang akan bekerja menegakkan kemuliaan agamanya hasil persidangan itu- Amin.

\*\*\*

Apakah kewajipan umat Islam kepada agamanya? Sebagai pertubuhan maka molek kita meneladan keputusan Kongres Persatuan Islam di Bandung, baharu-baharu ini. Bahawa setelah menghitung segala kemungkinan yang akan datang, dengan tekad yang bulat, redha dan bersungguh-sungguh akan mengorbankan segala apa yang ada untuk meneruskan jihad perjuangan terus menerus melakukan amar makruf dan nahi munkar hingga tercapai cita-cita bersama ialah supaya berlaku ajaran-ajaran dan hukum-hukum Islam dalam kehidupan manusia sebagai orang perseorangan, masyarakat dan negara. Sekian keputusan ini. Tidakkah keputusan yang serupa ini juga menjadi jihad yang wajib kita laksanakan di sini?!